

MINIT DIALOG
WORKING GROUP LHDNM DENGAN PERSATUAN AKAUNTAN DAN
PENGAMAL PERCUKAIAN- DESIRE BIL. 1/2015

Tarikh : 7 April 2015 (Selasa)
Masa : 9.40 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Bendahara, Aras 1, Menara Hasil, Cyberjaya.

Kehadiran:

1. WAKIL LHNDM		
1.	YBhg. Datuk Sabin Bin Samitah	Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Percukaian) (Pengerusi)
2.	En. Mahmood Bin Daud	Pengarah Jabatan Operasi Cukai (JOC)
3.	En. Abdul Manap Bin Dim	Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai (JPC)
4.	Pn. Nor'aini Binti Ja'afar	Pengarah Jabatan Dasar Percukaian(JDP)
5.	Pn. Salmah Binti Kassim	Pengarah Jabatan Undang-Undang (JUU)
6.	Pn. Asriah Binti Shaari	Pengarah Jabatan Khidmat Korporat (JKK)
7.	Tn. Hj. Mohd Idris Bin Mamat	Pengarah Negeri WP Putrajaya
8.	Tn. Hj. Romli Bin A. Hamid	Pengarah Negeri Selangor
9.	Cik Puteh Mariah Binti Harun	Pengarah Cawangan Pembayar Cukai Besar
10.	En. Mohd Jaafar Bin Embong	Pengarah Jabatan Pungutan Hasil
11.	Pn. Hazlina Binti Hussain	Pengarah Bahagian Sekretariat Lembaga dan Advisori Perundangan (BSLAP)
12.	En Mohammed Noor Bin Ahmad	Pengarah Dasar & Operasi (JOC)
13.	En. Abd. Halim Bin Omar	Pengarah Cawangan Wangsa Maju
14.	Pn. Jalina Binti Abu Bakar	Pengarah Bhgn. Aplikasi e-Services (JTM)
15.	Cik Norhayati Binti Mat Kassim	Pgh. Bhgn. Pembangunan Operasi (JOC)
16.	Dr. Gunasegaran A/L Muthusamy	Pengarah Pusat Pemprosesan Maklumat
17.	En. Wan Zulfikri Bin Wan Ab. Hamid	Timb. Pgh. Bhgn. Polisi & Penyeliaan Audit Cukai, JPC

18.	En. Abdul Aziz Bin Harun	Pengarah Bhgn Litigasi Cukai, Jabatan Resolusi Pertikaian (JRP)
19.	Pn. Norhanadia Binti Samsudin	Pengarah Bhgn. Perancangan Strategik
20.	En. Nor Azam Bin Mohamad	Pengarah Bahagian BR1M, JOC
21.	Pn. Rosnani Binti Ismail	Urus setia Mesyuarat
22.	En. Mohamad Nizar Bin Mokhtar	Urus setia Mesyuarat
23.	En. Noor Mohamad Bin Zakariah	Urus setia Mesyuarat
24.	Pn. Piramanayaki A/P Arunachalam	Urus setia Mesyuarat
2. WAKIL PERSATUAN		
1.	En. Aruljothi A/L Kanagaretnam	Wakil Chartered Tax Institute of Malaysia, (CTIM)
2.	Pn. Phan Wai Kuan	Wakil CTIM
3.	Pn. Seah Siew Yun	Wakil CTIM
4.	Datin Pauline Tam	Wakil CTIM
5.	En. Foo Meng Huei	Wakil CTIM
6.	En. Thong Vee Kean	Wakil CTIM
7.	Pn. Yamuna Supperamaniam	Wakil CTIM
8.	Pn. Theresa Goh	Wakil Malaysian Institute of Certified Public Accountant (MICPA)
9.	Pn. Woon Yoke Lee	Wakil MICPA
10.	Pn. Tan Yu Yin	Wakil MICPA
11.	Dr. Verinderjeet Singh	Wakil Malaysian Institute of Accountants (MIA)
12.	En. Sam Soh Siong Hoon	Wakil MIA
13.	Pn. Azlina Zakaria	Wakil MIA
14.	Pn. Carol Eng	Wakil MIA
15.	En. Peter Lim Thiam Kee	Wakil Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)
16.	En. Ong Whee Tiong	Wakil MAICSA

17.	En. Tan Hock Kim	Wakil MAICSA
18.	En. Eric Yong Siew Meng	Wakil MAICSA
19.	Cik Priya Terumalay	Wakil CPA Australia
20.	Cik Sherry Ooi	Wakil CPA Australia
21.	En. Kwok Chee Sheng	Wakil YGL
22.	En. Sim Khai Hean	Wakil YGL
23.	Mr. Trevor Keegan	Wakil BrassTax
24.	En. Mohd Nur Hilmi	Wakil DIGICERT Sdn. Bhd.
25.	Cik Rahmayati Lim	Wakil DIGICERT Sdn. Bhd
27.	En. Amir Suhaimi Hassan	Wakil DIGICERT Sdn. Bhd

1. UCAPAN PENDAHULUAN Pengerusi

- 1.1. Pengerusi memulakan mesyuarat dengan memperkenalkan diri beliau sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Percukaian) yang baru dilantik bagi menggantikan Dato Mohammad Sait Bin Ahmad yang telah bersara pada bulan November 2014. Pengerusi mengucapkan salam sejahtera, serta mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat daripada Persatuan Akauntan dan Pengamal Percukaian, *Software Provider for Tax Agent* (SPTA) dan pegawai-pegawai kanan LHDNM.
- 1.2. Pengerusi seterusnya mempersilakan ahli-ahli mesyuarat yang terdiri daripada pegawai LHDNM, wakil-wakil daripada Persatuan Akauntan dan Pengamal Percukaian serta SPTA untuk memperkenalkan diri dan jawatan masing-masing.
- 1.3. Pengerusi menjelaskan pendirian LHDNM mengenai kepentingan peranan yang perlu dimainkan oleh Persatuan Akauntan dan Pengamal Percukaian serta SPTA dengan pembayar cukai. Ini adalah kerana mereka selalu berhubungan dan berurusan dengan pembayar cukai bagi memastikan tanggungjawab sebagai pembayar cukai dilaksanakan dengan betul.

Persatuan Akauntan dan Pengamal Percukaian serta pembayar cukai perlu memainkan peranan masing-masing dalam memastikan pematuhan cukai dipatuhi bagi menjaga kepentingan kerajaan dan negara. Sememangnya LHDNM memerlukan kerjasama daripada Persatuan Akauntan dan Pengamal Percukaian bagi membantu kerajaan dan LHDNM untuk memberi penerangan kepada pelanggan berhubung sistem percukaian dan penyampaian perkhidmatan baharu yang diperkenalkan untuk kemudahan pembayar cukai. LHDNM mengalu-alukan kerjasama daripada pihak persatuan dalam menangani isu-isu yang dibangkitkan oleh pembayar cukai. Ini adalah kerana LHDNM berpendapat bahawa kerjasama di antara kedua-dua pihak akan menghasilkan satu mekanisme yang berkesan bagi menangani sebarang isu berbangkit secara efektif dan konstruktif.

- 1.4. LHDNM semenjak daripada dahulu lagi menyediakan ruang kepada pihak persatuan bagi membincangkan isu-isu percukaian yang berbangkit daripada perundangan ataupun peraturan-peraturan baharu untuk penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pembayar cukai.
- 1.5. Pengerusi berharap agar perbincangan bersama dengan pihak persatuan dapat diadakan dengan lebih kerap bagi memastikan apa-apa cadangan peruntukan undang-undang, peraturan-peraturan atau proses-proses baharu yang hendak dilaksanakan oleh LHDNM mendapat kerjasama dan sokongan padu daripada persatuan. LHDNM sedia maklum bahawa terdapat kekurangan maklumat berhubung perkembangan yang sedang berlaku di luar melainkan setelah mendapat input daripada persatuan.
- 1.6. Pengerusi memaklumkan bahawa LHDNM sentiasa berusaha untuk membantu pembayar cukai mematuhi peruntukan dan peraturan percukaian sedia ada. LHDNM juga sentiasa mempertingkatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan bagi meningkatkan pematuhan melalui pengauditan dan siasatan oleh pegawai-pegawai yang terlatih serta pegawai-pegawai kontrak. Ini termasuk bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain yang diketuai oleh Jabatan Peguam Negara di mana wujud satu pasukan 'task force' untuk menangani isu-isu pelarian cukai yang tidak dapat ditangani oleh LHDNM secara bersendirian.

- 1.7. Aktiviti-aktiviti pemungutan cukai juga sedang dipertingkatkan ke atas pembayar-pembayar cukai yang tegar dan sengaja tidak mahu menjelaskan tunggakan cukai yang tinggi. Oleh itu, satu *task force* pemantauan tunggakan hasil telah ditubuhkan di Ibu LHDNM untuk memantau pembayaran cukai ke atas syarikat-syarikat dan individu yang mempunyai baki tunggakan cukai yang tinggi di cawangan-cawangan yang mengendalikan fail pembayar cukai. *Task force* tersebut akan membantu cawangan untuk mengambil tindakan bagi menangani masalah pembayar cukai tegar. Pengerusi amat berharap agar pihak persatuan dapat membantu LHDNM dalam perkara ini.
- 1.8. Pengerusi juga memaklumkan LHDNM akan mempercepatkan tindakan membuat keputusan terhadap rayuan-rayuan yang dikemukakan oleh pembayar cukai. Oleh itu, Pengerusi amat berharap agar pihak persatuan dapat memberikan kerjasama kepada LHDNM untuk memberikan penerangan kepada pelanggan mereka kepentingan mengemukakan dokumen dan maklumat yang dikehendaki oleh LHDNM untuk menyelesaikan kes rayuan mereka dengan segera.
- 1.9. Pengerusi memaklumkan bahawa maklum balas awal jawapan secara bertulis berhubung isu-isu DESIRE Bil. 1/2015 telah disediakan dan dihantar kepada pihak persatuan. Sekiranya ada di antara jawapan tersebut memerlukan penjelasan lanjut, pihak persatuan dipersilakan untuk menyuarakannya di dalam dialog DESIRE hari ini.
- 1.10. Seterusnya, Pengerusi menyampaikan makluman berhubung usaha-usaha pembaharuan dan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan secara elektronik yang telah dibangunkan oleh LHDNM di mana maklumat lanjut dan terperinci boleh didapati dalam portal rasmi LHDNM.
- i. Pemencaran fail-fail C untuk syarikat ke cawangan-cawangan.
 - ii. Penghantaran BNCP untuk fail-fail C diwajibkan (mandatory) melalui e-Filing.
 - iii. Pembayaran Cukai Melalui ByrHasil dan Kad Kredit.
 - iv. e-Kemaskini untuk pembayar cukai syarikat dan individu.
 - v. e-Borang Nyata Terpinda Syarikat (e-BNT C).

2. PERBINCANGAN ISU-ISU DIBANGKITKAN OLEH CTIM

2.1 CTIM MEMORANDUM ON OPERATIONAL ISSUES (13 MARCH 2015)

1. Accredited certification bodies under Section 34(6)(ma) of the Income Tax Act 1967

We refer to the list of accredited certification bodies under Section 34(6)(ma) of the Income Tax Act 1967 (ITA) issued by the Inland Revenue Board of Malaysia (LHDNM) which is mainly used as a reference to claim the deduction for expenses incurred to obtain certification for recognized quality systems and standards and halal certification from these accredited certification bodies and agencies.

The LHDNM has requested taxpayers to refer to the above-mentioned list for the certification bodies which are accredited. Many taxpayers have stopped claiming deductions for certification expenses paid to those certification bodies whose accreditation dates have expired (as stated in the list). However, in actual fact, some certification bodies managed to renew their accreditations and some new certification bodies have also received accreditations but, the list is not updated on a timely basis. Some careful taxpayers will check with the certification body whether they are accredited or have renewed their accreditation before claiming a deduction on the certification expenses. But many taxpayers relied on the LHDNM's list and thus are not aware that they are eligible to claim certification expenses as the list of accredited certification bodies is not up to date.

Request:

CTIM suggests that the LHDNM updates the list of accredited certification bodies and agencies whenever there are changes and indicate a date that it was updated on.

Jawapan LHDNM

Untuk makluman, kemaskini senarai badan-badan pensijilan seperti dalam laman web rasmi LHDNM adalah berdasarkan maklumat yang diterima daripada Jabatan Standard Malaysia.

LHDNM akan mewujudkan 'link' di Portal Rasmi LHDNM dengan Laman Web Rasmi Jabatan Standard Malaysia bagi menyemak senarai terkini badan-badan pensijilan.

2. List of approved institutions under Section 44(6) of the Income Tax Act 1967

Our members rely on the list of approved institutions under Section 44(6) of the ITA on the LHDNM's website to verify whether any institutions who claim that they are approved institutions have been approved under Section 44(6) of the ITA. However,

it was noted that the list of approved institutions on the LHDNM's website is not up to date.

Request:

CTIM would like to seek clarification on how frequent the list of approved institutions is updated on the LHDNM's website. CTIM also suggests that the LHDNM updates the list of approved institutions on a timely basis e.g. whenever there are changes and indicate a date that it was updated on.

Jawapan LHDNM

Tindakan mengemaskini maklumat dibuat dari semasa ke semasa dalam tempoh 5 hari bekerja daripada tarikh kelulusan diberi.

Pengarah JDP telah memaklumkan bahawa pengemaskinian yang terakhir dibuat secara manual di mana tarikh terkini ialah pada 6 April 2015. LHDNM mengambil maklum aduan daripada pihak CTIM di mana LHDNM sedang berusaha untuk memastikan maklumat berhubung institusi di bawah S.44(6) adalah yang terkini.

3. E-Notices from the LHDNM on Refund of Tax Overpaid / Refund of Surplus Credit

The e-notice below is the standard type of e-notice that tax agents received from LHDNM. Such e-notice does not state the name or tax reference number of the taxpayer hence, tax agents cannot inform their clients that the LHDNM has refunded tax overpaid to them.

Request:

CTIM would like to request LHDNM to improve the above notification process by stating the name and tax reference no. of the taxpayer in the e-notice.

Tuan,

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa bayaran balik cukai terlebih bayar / pembayaran balik lebih kredit tuan telah diluluskan dan CIMB BANK BERHAD telah menghantar dana bayaran balik tersebut kepada bank tuan, iaitu HONG LEONG BANK pada 10/06/2014.(Rujukan: IRB14061014475)

3. LHDNM telah memberi keutamaan kepada pembayaran balik tuan. Bagaimanapun, LHDNM masih boleh membuat semakan lanjut dan mengaudit dokumen untuk mengesahkan tuntutan tuan. Cawangan LHDNM akan menghubungi tuan sekiranya maklumat tambahan diperlukan.

Emel ini dihantar secara automatik. Surat rasmi akan menyusul.

Sekian, terima kasih

Request:

CTIM would like to request LHDNM to improve the above notification process by stating the name and tax reference no. of the taxpayer in the e-notice.

Jawapan LHDNM

Penambahbaikan telah dibuat dan berkuatkuasa mulai 3 Mac 2015 dengan menyatakan maklumat penerima iaitu nama penerima dan nombor kad pengenalan atau nombor SSM bagi kes syarikat.

4. LHDNM letters received late

Members have highlighted to CTIM on cases where LHDNM's letters, mainly on penalties imposed and Form CP500, were received late by taxpayers/tax agents. Currently, members still have cases where LHDNM's letters were received late. Examples where LHDNM letters were received late include the following:

- (a) A LHDNM letter dated 8 January 2015 was received on 23 January 2015. In the said letter, the LHDNM gave 21 days from the date of the letter to revert with the information requested. This means that the due date to revert to LHDNM is 29 January 2015 and the taxpayer has only 4 working days to compile the said information.
- (b) A LHDNM letter dated 14 October 2014 was received on 18 November 2014 (36 days later). In the said letter, the LHDNM gave the taxpayer 30 days to revert with the required information but the deadline has since expired as the letter was received late.

Please refer to the attached Appendix for copies of the above-mentioned LHDNM letters which were received late.

Request:

CTIM would like to request for LHDNM to look into the mailing process to ensure that reasonable time is given to taxpayers to act on the LHDNM's letters.

Jawapan LHDNM

4(a) LHDNM yakin bahawa proses 'mailing' telah dimantapkan dan kelewatan yang berlaku ke atas beberapa surat yang diterima oleh pembayar cukai mungkin disebabkan oleh beberapa faktor. Walau bagaimanapun, pembayar cukai boleh mengemukakan rayuan berserta bukti. Rayuan akan dipertimbangkan berdasarkan merit kes.

4(b) LHDNM mengambil maklum kelewatan ini yang disebabkan oleh kesilapan teknikal sistem. Walau bagaimanapun, pembayar cukai boleh mengemukakan rayuan berserta bukti. Rayuan akan dipertimbangkan berdasarkan merit kes.

Sekiranya pembayar cukai dapat membuktikan tarikh penerimaan surat adalah terlewat daripada tarikh yang ditetapkan, LHDNM boleh menerima rayuan pembayar cukai berasaskan 'good faith'.

Wakil CTIM dan MIA telah membangkitkan lanjutan isu tersebut dalam situasi sekarang di mana surat-surat yang dihantar tiada tarikh penghantaran yang dichop oleh Pos Malaysia. Berdasarkan tarikh pada surat diterima, nyata pembayar cukai telah terlewat menerima surat tersebut. Oleh itu adalah sukar pembayar cukai untuk membuktikan sebab-sebab kelewatan penerimaan.

Pengarah BSLAP memberikan pendapat bahawa chop/setem tarikh penerimaan oleh pembayar cukai akan diterima sebagai bukti penerimaan berasaskan 'good faith' kecuali pihak LHDNM mempunyai lain-lain maklumat kukuh bahawa surat tersebut sepatutnya diterima lebih awal daripada tarikh yang dinyatakan lewat oleh pembayar cukai.

Pengerusi memaklumkan bahawa tindakan pertimbangan rayuan berhubung perkara ini akan dilakukan sehingga peringkat Pejabat Pengarah Negeri yang diberi kuasa untuk memberikan pertimbangan ke atas rayuan pembayar cukai berhubung kelewatan penerimaan surat dari cawangan-cawangan LHDNM.

Oleh kerana isu tersebut telah berulang kali dibangkitkan dalam dialog yang lepas-lepas, Pengerusi mencadangkan diadakan bengkel yang disertai oleh wakil-wakil dari persatuan dan pegawai-pegawai kanan LHDNM diadakan untuk membincangkan penyelesaian ke atas faktor-faktor punca kelewatan penerimaan surat, pemberian lanjutan masa oleh pegawai audit secara lisan tanpa surat diberikan kepada pembayar cukai dan keengganan pegawai audit menerima alasan kelewatan pengemukaan dokumen atau maklumat yang diminta disebabkan kelewatan penerimaan surat yang dihantar kepada pembayar cukai.

Pengerusi berharap bengkel yang akan diadakan tersebut akan dapat memberikan ketetapan atau penyelesaian yang kekal agar isu tersebut tidak lagi berulang kali dibangkitkan di masa hadapan.

Pengerusi meminta Jabatan Operasi Cukai untuk menganjurkan bengkel tersebut di mana wakil-wakil dari persatuan dijemput menyertainya. Kos perbelanjaan bengkel tersebut akan ditanggung secara bersama antara pihak LHDNM dan persatuan. Pengerusi juga berharap penyelesaian isu-isu dibangkitkan akan dikeluarkan makluman secara bertulis selewat-lewatnya pada hujung bulan Mei 2015.

Wakil-wakil persatuan sebulat suara bersetuju dengan cadangan Pengerusi untuk mengadakan bengkel tersebut.

5. Notification of civil proceedings / tax due

Members have brought to CTIM's attention on cases where taxpayers received notification of civil proceedings/tax due although taxpayers have no outstanding tax payable. Please refer to the attached Appendix for a sample of the notification.

Request:

CTIM would like to request that information on taxpayers' tax positions is updated promptly on LHDNM's system to avoid such notification of civil proceedings /tax due being wrongly issued and causing unnecessary inconvenience to taxpayers.

Jawapan LHDNM

Pemberitahu Tindakan Mahkamah hanya dikeluarkan kepada pembayar cukai yang masih mempunyai tunggakan cukai. Pembayar cukai boleh merujuk kepada cawangan LHDNM kedudukan cukai terkini jika berbeza dengan rekod pembayar cukai. Lampiran surat yang diberi tidak memaparkan nombor rujukan sebenar untuk semakan.

Pengerusi meminta Pengarah JUU mengarahkan unit guaman sivil di cawangan-cawangan memasti tindakan dalam prosedur untuk menyemak semula kes-kes pendakwaan agar dipastikan bahawa kedudukan cukai terkini sebelum tindakan mahkamah guaman sivil dijalankan ke atas pembayar cukai agar aduan sedemikian dapat dielakkan.

6. Practical issue in Public Ruling No. 8/2014 – Example 9

Reference is made to the amendment made under Section 21A (3) of the ITA and *Example 9 (Pages 9 and 10) of the Public Ruling No. 8/2014 – Basis Period of a Company, Limited Liability Partnership, Trust Body and Co-operative Society* dated 1 December 2014 (PR No. 8/2014). The Public Ruling deals on the direction of the basis period for a change of accounting period **where the accounting period is extended for more than 12 months** and ending in the following year.

a) Background

Our members' client, ABC Sdn Bhd normally closes its accounts on 31 December each year and decided to change its accounting year to 31 March 2015 from 31 December 2014:

Year of Assessment	Accounting Period	Period	Remark
2013	1.1.2013 – 31.12.2013	12 months	
?	1.1.2014 – 31.3.2015	15 months	Failure year

2016	1.4.2015 – 31.3.2016	12 months	
------	----------------------	-----------	--

Based on PR No. 8/2014, the basis periods would be directed as follows:

Year of Assessment	Basis Period	Period	Remark
2013	1.1.2013 – 31.12.2013	12 months	
2014	1.1.2014 – 31.8.2014	8 months	Split into 2 basis periods
2015	1.9.2014 – 31.3.2015	7 months	Split into 2 basis periods
2016	1.4.2015 – 31.3.2016	12 months	

The following events that took place between ABC Sdn Bhd and LHDNM are as follows:

- ABC Sdn Bhd has submitted Form CP204B as well as Form CP204 for the year of assessment (YA) 2015 to LHDNM by 30 November 2014 (one month before the close of its original financial year end of 31 December 2014).
- LHDNM did not follow the tax estimates stated in Form CP204B for YA 2014 and Form CP204 for YA 2015, and it issued Forms CP205 for both YA 2014 and YA 2015.
- The tax estimates as shown in the Form CP205 for YA 2014 and YA 2015 generated by the system are as follows:
 - YA 2014 - amount equivalent to the total instalment amount paid by ABC Sdn Bhd from February 2014 to November 2014 (10 months of instalment payments).
 - YA 2015 – amount equivalent to the original estimate of tax payable as shown in the original Form CP204 (based on 12 months financials).

b) Operational issues

The division of the 15 months period into 2 basis periods, i.e. 8 months for YA 2014 and 7 months for YA 2015 had given rise to practical issues when the Form CP204B is submitted after the cut-off date for the first basis period of 31 August 2014:

- The tax estimate for YA 2014 under Form CP205 is determined based on the total instalments amount paid to date, i.e. 10 instalments, although the total number of months in the basis period for YA 2014 is only 8 months. No roll back to 8 months is allowed when the taxpayer has furnished Form CP204B in the 11th month as prohibited by the LHDNM's system.
- The tax estimate for YA 2015 under the Form CP205 is calculated based on the original estimate for YA 2014 per Form CP204 instead of the revised tax estimate under Form CP205 for YA 2014. Again, this would likely result in an over-estimation

of tax liability for YA 2015. LHDNM may only allow the taxpayer to rectify this only by way of Form CP204A.

Request:

CTIM hopes that LHDNM's computer system can be improved further to address similar situations and prevent the above-mentioned operational issues from arising. CTIM also requests that LHDNM considers allowing the following suggestions so as to prevent the above-mentioned operational issues from arising:

- The tax estimate for YA 2014 to be based on an amount equivalent to the 8 months of instalment payments which correspond to the basis period for YA 2014; and
- The tax estimate for YA 2015 to be based on an amount equivalent to 7 months of instalment payments which correspond to the basis period for YA 2015.

Jawapan LHDNM

Pembayar cukai perlu maklumkan 30 hari sebelum tarikh akhir tempoh perakaunan asal jika tempoh perakaunan dipanjangkan. Bagaimanapun, dalam keadaan di mana jika tempoh perakaunan menghasilkan tahun gagal seperti contoh di atas, pembayar cukai hendaklah merujuk kepada akta di mana bagi pengemukaan CP204, ia hendaklah dikemukakan 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas yang baru. Bagi tahun taksiran 2015, CP204 bersama-sama CP204B (TT2014) perlu dikemukakan sebelum 1.9.2015. (ini adalah kerana tempoh asas TT2014 dan 2015 seperti telah dipendekkan)

Pengerusi akur bahawa sistem LHDNM masih belum sampai ke tahap di mana sistem dapat melayani situasi berlaku tahun gagal di mana terdapat perubahan sesuatu tempoh asas untuk tempoh perakaunan yang dipanjangkan. Walau bagaimanapun, Jabatan Pungutan Hasil (JPH) akan berbincang dengan Jabatan Teknologi Maklumat untuk menangani isu tersebut.

Wakil CTIM memohon isu penalti yang dikenakan berhubung CP 204 berpunca daripada perubahan tempoh perakaunan yang menyebabkan tahun gagal diberikan pertimbangan untuk diketepikan.

Pengerusi meminta Jabatan Pungutan Hasil mengeluarkan pekeliling berhubung ketetapan berkaitan penalti yang dikenakan tersebut.

7. Notification of field audit

Our members have informed us of LHDNM letters on the notification of field audit which were addressed and sent to taxpayers instead of their tax agents or which were not copied to their tax agents. This is despite the fact that the LHDNM has the relevant tax agent particulars of the taxpayers.

Request:

CTIM would like to understand the rationale for the above. We would also like to request that such LHDNM letters are sent to the tax agents, if not, then copied to the tax agents. This would facilitate the field audit process as the tax agents are involved in the tax matters of the taxpayers.

Jawapan LHDNM

Berdasarkan Rangka Kerja Audit Cukai, LHDNM hanya perlu memaklumkan lawatan audit kepada pembayar cukai sahaja. Adalah tanggungjawab pembayar cukai untuk memaklumkan kepada ejen cukai mereka sendiri berhubung surat lawatan audit dari LHDNM.

Pengerusi menyarankan kepada Pengarah BSLAP untuk perkara ini dibincangkan dalam bengkel yang akan diadakan

Pengerusi menjelaskan bahawa adalah tanggungjawab yang amat penting bagi LHDNM untuk menjaga kerahsiaan maklumat pembayar cukai mengikut peruntukan ACP 1967. LHDNM kuarir sekiranya pembayar cukai tidak memaklumkan secara bertulis pemberhentian ejen cukai yang telah dilantik atau telah menukar ejen cukai mereka. Walau bagaimanapun, LHDNM mengambil kira pandangan daripada pihak persatuan di mana ia akan diputuskan selepas perbincangan dalam bengkel nanti.

Wakil MIA membangkitkan isu di mana sekiranya pembayar cukai telah mengemukakan surat makluman lantikan ejen cukai kepada LHDNM, sewajarnya pegawai audit berurusan secara terus dengan ejen cukai yang dilantik dan bukan mengganggu pembayar cukai.

8. Change of taxpayer's name or address

LHDNM had announced the re-allocation of taxpayers' tax files to the various LHDNM branches / departments / divisions. We also understand that LHDNM has been sending notifications to the respective taxpayers and tax agents recently on the location of the taxpayer's file i.e. which LHDNM branch the taxpayer's file is located at. The respective LHDNM branch where the taxpayer's file is located at will be notified of any changes in the taxpayer's name or address. However, it is not clear which other LHDNM branches / departments / divisions should be notified of changes in the taxpayer's name or address.

Request:

CTIM would like to seek clarification on which other LHDNM branches / departments / divisions should be notified of changes in the taxpayer's name or address so that the LHDNM's taxpayer records are updated altogether.

Jawapan LHDNM

Sebarang surat makluman pertukaran alamat atau nama pembayar cukai hendaklah ditujukan ke cawangan di mana fail penaksiran dikendalikan. Sekiranya surat itu dihantar ke cawangan yang lain, cawangan yang menerima dikehendaki menghantarkan surat itu ke cawangan yang berkenaan untuk tindakan susulan selaras dengan konsep “No Wrong Door”.

Wakil MIA membangkitkan isu berhubung fail pembayar cukai yang dipindahkan dari CPCB ke Cawangan Cukai Multinasional (CCM) untuk mendapatkan kepastian bahawa fail tersebut adakah dikekalkan di CCM untuk urusan percukaian yang lain. Pengerusi menjelaskan bahawa fail tersebut akan dikekalkan di CCM di mana pembayar cukai boleh terus berurusan dengan pegawai di CCM.

Seterusnya wakil membangkitkan isu di mana fail pembayar cukai yang dipindahkan ke CPCB dari cawangan yang jauh. Ini menyukarkan pembayar cukai untuk berurusan baik secara hadir atau melalui surat atau telefon dengan pegawai CPCB yang mengendalikan kes mereka.

Pengerusi menyarankan pembayar cukai agar mengemukakan surat atau menetapkan temu janji melalui e-mel secara terus kepada pegawai CPCB tersebut kerana kaedah tersebut lebih mudah, selamat dan pasti akan diterima untuk maklum balas lanjut.

Pengerusi akur bahawa ramai pembayar cukai dan ejen cukai menghadapi masalah kesukaran untuk menghubungi pegawai untuk sebarang urusan atau pertanyaan melalui telefon kerana talian sesak terutamanya semasa musim puncak penghantaran BNCP dan urusan BR1M. LHDNM sedang berusaha dengan pihak telcos untuk menaiktaraf sistem talian telefon agar semua panggilan dapat dijawab segera oleh pegawai LHDNM.

Sementara itu, Pengerusi amat berharap ejen cukai dan pembayar cukai agar dapat mengemukakan urusan cukai dan temu janji dibuat melalui penghantaran e-mel rasmi secara terus kepada pegawai LHDNM untuk mendapatkan maklum balas segera. Kaedah melalui e-mel sememangnya digunakan pakai di LHDNM di mana semua pegawai LHDNM di seluruh cawangan telah diberikan kemudahan tersebut untuk berurusan dengan pembayar cukai dan ejen cukai.

9. Compensation on late tax refund pursuant to Section 111D of the Income Tax Act 1967

According to Section 111D of the ITA, taxpayers are eligible to receive compensation on late tax refund from LHDNM under the conditions stipulated therein.

Request:

CTIM would like to seek clarifications from LHDNM on the following:

- (a) **Would the compensation for late tax refund be given automatically to the taxpayer or would the taxpayer have to write to LHDNM for the compensation for late tax refund?**
- (b) **In the case where LHDNM gives a partial refund and the balance is refunded after the stipulated timeline e.g. after 90 days from the e-filing due date or after 120 days from the statutory filing due date, would LHDNM still grant compensation on the staggered late tax refund and how will the compensation be calculated?**

Jawapan LHDNM

(a) **Pembayar cukai tidak perlu membuat permohonan bertulis untuk mendapatkan pampasan ke atas bayaran balik yang lewat diterima. LHDNM akan membuat pengiraan pampasan yang layak diberi berdasarkan kepada pengiraan hari lewat dibayar mengikut formula yang ditetapkan dan membuat bayaran sepatutnya kepada pembayar cukai yang layak diberi pampasan.**

Pembayar cukai boleh merujuk kepada Garis Panduan Pembayaran Pampasan Kerana Kelewatan Membuat Bayaran Balik Lebihan Cukai Pendapatan dalam laman web LHDNM http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/GPHDN1_2014.pdf

(b) **Dalam keadaan LHDNM lewat membuat bayaran balik ke atas baki bayaran balik yang sepatutnya diterima oleh pembayar cukai, pampasan akan diberi ke atas baki bayaran balik yang lewat dibayar.**

Contoh:

A mempunyai pendapatan penggajian dan telah mengemukakan Borang BE 2013 melalui e-Filing pada 30 April 2014. Amaun cukai kena dibayar adalah sebanyak RM100,000.00 dan bayaran PCB bagi Tahun Taksiran 2013 adalah RM150,000.00. A layak untuk bayaran balik sebanyak RM50,000.00. LHDNM telah membuat sebahagian bayaran balik iaitu RM25,000.00 kepada A pada 30 Mei 2014. Kelulusan oleh LHDNM ke atas baki RM25,000 adalah pada 10 Ogos 2014. Pampasan 2% akan dibayar ke atas amaun RM25,000.00.

Pengiraan :

A : RM25,000

B : 12 hari (Tempoh : 30 Julai 2014 hingga 10 Ogos 2014. Bilangan hari untuk tujuan pampasan adalah dikira dari hari pertama selepas tamat tempoh 90 hari dari tarikh akhir BNCP perlu dikemukakan bagi kes e-Filing hingga bayaran balik diluluskan)

(A) RM25,000 x (B) 12 hari x 2% = RM16.44

365

Wakil CTIM membangkitkan isu di mana pembayar cukai diberikan kelulusan lanjutan masa untuk pengemukaan BNCP melalui e-Filing, adakah ia akan memberikan kesan ke atas pengiraan pampasan.

